

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(I)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN MACHANG BUBUK  
YB. LEE KHAI LOON**

2. Terangkan status terkini tentang projek menaik taraf Jalan Bukit Minyak daripada dua lorong kepada empat lorong.
  - (a) Bilakah projek ini dijangka akan siap untuk menangani kesesakan lalu lintas yang kian serius?
  - (b) Nyatakan jumlah kos projek tersebut mengikut kos pembinaan dan kos pengambilan balik tanah.

**YB. ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

2. (a) Projek menaik taraf Jalan Bukit Minyak daripada dua (2) lorong kepada empat (4) lorong dijangka siap pada penghujung Disember 2018. Kemajuan sebenar kerja di tapak adalah 67% berbanding 71% yang dijadualkan. Sebab-sebab utama kelewatan adalah proses pengambilan balik tanah selama lebih satu tahun, dan kerja-kerja pengalihan utiliti Tenaga Nasional Berhad (TNB), Perbadanan Bekalan Air (PBA) dan Telekom Malaysia (TM). Proses pengambilan tanah telah selesai akan tetapi kerja-kerja pengalihan utiliti seperti TNB dan PBA masih lagi berjalan. Kerja dijangka siap penghujung 2018.

- (b) Setakat ini, jumlah kos keseluruhan projek ini adalah RM31,446,588.32 di mana kos pembinaan projek ini adalah sebanyak RM8,024,899.92 kos yuran perunding berjumlah RM604,669.00 dan kos pengambilan balik tanah berjumlah RM22,817,019.40.